



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



PERSEPSI TERHADAP MASALAH PEMBELAJARAN KOSA KATA BAHASA ARAB

PERCEPTION OF ARABIC VOCABULARY LEARNING PROBLEMS

Muhamad Khairul Anuar Zulkepli^{1*}, Mohd Zulkhairi Abd Hamid², Burhanuddin Wahab³, Ahmad Fauzi Yahaya⁴, Nur Syafizan Mohd Sufter⁵

¹ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: mkaz@uitm.edu.my

² Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: mzulkhairi@uitm.edu.my

³ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: burhan053@uitm.edu.my

⁴ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: fauzi559@uitm.edu.my

⁵ Faculty of Computer & Mathematical Science, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: nursyafizan@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.06.2024

Revised date: 15.07.2024

Accepted date: 28.08.2024

Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Zulkepli, M. K. A., Hamid, M. Z. A., Wahab, B., Yahaya, A. F., & Suffer, N. S. M. (2024). Persepsi Terhadap Masalah Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 392-402.

DOI: 10.35631/IJEPC.955026

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kosakata merupakan elemen utama yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran bahasa Arab di kampus Universiti Teknologi MARA Kedah. Subjek bahasa Arab merupakan kursus yang ditawarkan setiap semester kepada pelajar di peringkat diploma dan ijazah. Kebanyakan pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut adalah mereka yang tidak mempunyai pengetahuan asas bahasa Arab. Aspek kosakata dalam kalangan pelajar dapat diperhatikan pada sesi pembelajaran dan penghasilan tugas yang diberikan. Ini memberikan satu persepsi awal terhadap masalah yang timbul dalam kalangan pelajar dari sudut kosakata. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk merungkai persepsi masalah pembelajaran kosakata bahasa Arab dalam kalangan pelajar UiTM Kedah. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama dan data dibincangkan secara deskriptif menggunakan perisian SPSS versi 28. Hasil kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap masalah pembelajaran kosakata dan strategi pembelajaran kosakata yang mereka gunakan. Dapatan kajian juga menunjukkan tahap kesedaran yang baik dalam kalangan pelajar dalam usaha meningkatkan kualiti kosakata bahasa Arab yang dipelajari.

Kata Kunci:

Persepsi, Kosa Kata, Pembelajaran, Bahasa Arab

Abstract:

Vocabulary is the main element that needs to be emphasized in learning Arabic at the Universiti Teknologi MARA Kedah campus. The Arabic subject is a course offered every semester to students at the diploma and degree levels. Most of the students who take the subject are those who do not have basic knowledge of Arabic. Vocabulary aspects among students can be observed during the learning session and the production of assigned tasks. This gives an initial perception of the problems that arise among students from a vocabulary point of view. Therefore, this study aims to unravel the perception of Arabic vocabulary learning problems among UiTM Kedah students. This study is quantitative by using a questionnaire as the main instrument, and the data is discussed descriptively using SPSS software version 28. The results of the study show students' perceptions of vocabulary learning problems and the vocabulary learning strategies they use. The findings of the study also show a good level of awareness among students in an effort to improve the quality of Arabic vocabulary learned.

Keywords:

Perception, Vocabulary, Learning, Arabic Language

Pengenalan

Bahasa Arab merupakan salah satu subjek bahasa asing yang berasaskan penguasaan kosa kata dan ia menjadi satu cabaran kepada sesiapa sahaja termasuklah pelajar yang mempelajarinya. Kosa kata berfungsi sebagai asas kepada pemahaman sesuatu bahasa tersebut. Sebagaimana dinyatakan oleh Supriadi dan Haslinda (2022) iaitu aspek kosa kata ialah aspek penting dalam pembelajaran bahasa Arab kerana fungsinya sebagai teras bahasa. Rifai (2021) berpendapat bahawa pelajar sering menghadapi masalah menghafal perkataan, memahami makna dalam pelbagai konteks dan penggunaan perkataan dengan betul dalam ayat. Kesilapan dalam penggunaan tatabahasa seperti *muzakkar-muannas* (lelaki-perempuan) dan *adad-ma'dud* (nombor) juga antara masalah utama yang dihadapi oleh pelajar.

Era revolusi perindustrian 4.0 yang dicirikan oleh globalisasi dan integrasi teknologi telah memberi kesan ketara dalam dunia pendidikan. Pendidikan 4.0 masa kini bertujuan mencipta peluang baru melalui gabung jalin kreatif inovatif antara manusia dan teknologi serta memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih inovatif dan kreatif. Reka bentuk pembelajaran seumpama ini mendorong pelajar mempelajari bukan sahaja kemahiran dan pengetahuan yang mereka perlukan tetapi mengenalpasti sumber untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan tersebut. Justeru, pemilihan kaedah berubah selari dengan peredaran masa (Caratozzolo et.al, 2023).

Pada hari ini, zaman semakin berkembang dengan kecanggihan teknologi dan kaedah yang digunakan seharusnya bertepatan dengan generasi terkini khususnya dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Dalam konteks pembelajaran kosa kata bahasa Arab, pemanfaatan teknologi ini dapat mempermudah proses pembelajaran. Perubahan ini juga menekankan pentingnya

pemilihan kaedah yang sesuai dengan perkembangan teknologi dan keperluan generasi terkini. Penggunaan teknologi canggih dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab tidak hanya memudahkan pelajar menguasai bahasa tetapi juga menyediakan mereka dengan kemahiran digital yang relevan dalam dunia moden. Srivani et.al (2022) menyatakan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih, perisian pembelajaran interaktif dan platform e-pembelajaran yang menggunakan AI dapat membantu pelajar menguasai kosa kata dengan lebih cepat dan berkesan. Selain itu, kaedah ini dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar kerana ia menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif.

Persepsi pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab banyak dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan mereka, kaedah pengajaran yang digunakan serta sumber pembelajaran yang ada. Pelajar yang mempunyai asas yang kuat dalam bahasa-bahasa lain atau yang terdedah kepada bahasa Arab sejak kecil mungkin mempunyai persepsi lebih positif. Sebaliknya, pelajar yang kurang pengalaman mungkin berasa terbeban dan menganggap bahasa Arab sebagai bahasa yang sukar dipelajari. Antara faktor yang mempengaruhi persepsi tersebut ialah latar belakang pelajar dan kaedah pengajaran. Pelajar dari latar belakang yang berbeza mungkin mempunyai persepsi yang berbeza terhadap kesukaran pembelajaran bahasa Arab. Kaedah pengajaran yang interaktif dan menggunakan teknologi moden, seperti aplikasi pembelajaran bahasa dan media audiovisual boleh membantu meningkatkan minat dan kefahaman pelajar. Penggunaan teknologi dalam pengajaran Bahasa Arab telah menunjukkan peningkatan dalam keberkesanan pembelajaran kosa kata (Rifai, 2021). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan persepsi para pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dan strategi pembelajaran kosa kata Arab yang digunakan oleh pelajar khususnya di UiTM Kedah.

Tinjauan Literatur

Perbincangan yang melibatkan aspek kosa kata Arab secara khususnya seringkali menjadi tajuk utama perbincangan secara hangat dalam kalangan pengkaji bahasa dan ilmuan akademik. Hal ini kerana pembelajaran yang melibatkan aspek kosa kata ialah satu proses pembelajaran dan juga penguasaan secara berterusan tanpa noktah. Perbincangan berkaitan kosa kata Arab khususnya dapat dilihat dalam kajian-kajian yang telah digarab dan direalisasikan oleh beberapa orang para pengkaji.

Dalam satu kajian Samah et.al (2023) ada disebutkan tentang penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar sarjana muda bahasa Arab di universiti awam. Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan tahap kosa kata pelajar berada pada tahap lemah. Sebagai langkah atau inisiatif mengatasi masalah ini, dicadangkan beberapa solusi termasuk penggunaan strategi pembelajaran kosa kata. Ujian dijalankan ke atas perkataan yang dipilih dan ditapis untuk menilai prestasi dan penguasaan kosa kata pelajar.

Dalam kajian lain pula, Aluwi dan Abdul Ghani (2023) ada membincangkan aspek penguasaan kosa kata terhadap penulisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di Terengganu. Kosa kata bahasa Arab berkait rapat dengan kemahiran menulis. Antara cara atau pendekatan untuk meningkatkan kemahiran menulis ialah penguasaan kosa kata dan ini boleh meningkatkan keupayaan menulis pelajar-pelajar. Pelaksanaan aktiviti pengajaran pembelajaran bahasa Arab adalah berpusatkan pelajar. Kesenambungan daripada aktiviti yang tersebut memberikan impak atau pengalaman pelajar terhadap kemahiran menulis bahasa Arab dengan penguasaan kosa kata.

Norillah et.al (2023) ada dibincangkan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kosa kata pelajar. Penguasaan kosa kata yang baik memberikan implikasi terhadap kemahiran berkomunikasi dan usaha pelajar menguasai bahasa. Wujudnya penguasaan kosa kata yang baik dalam kalangan pelajar-pelajar disebabkan oleh beberapa faktor utama seperti psikologi, faktor pengajaran dan pembelajaran serta faktor kemahiran bahasa. Selain itu, faktor-faktor lain turut dikenalpasti mempengaruhi kejayaan dalam pembelajaran bahasa iaitu faktor diri pelajar, faktor guru, persekitaran pembelajaran dan sosial.

Senario yang diutarakan oleh para pengkaji tersebut dapat dikaitkan dengan situasi yang wujud dalam kalangan pelajar UiTM khususnya melibatkan aspek penguasaan kosa kata yang kurang baik. Aspek pembelajaran kosa kata bahasa Arab menjadi perkara dominan yang perlu diberikan perhatian untuk mengenal pasti dan menghuraikan isu pembelajaran kosa kata dari persepsi pelajar-pelajar. Perkara ini disokong dengan kenyataan Zulkepli et.al (2023) menyebut bahawa kelemahan kosa kata dapat dilihat melalui penghasilan skrip-skrip simulasi dan lakonan (*role-play*) yang dihasilkan pelajar kurang memuaskan. Ia gambaran kepada tahap kemampuan mereka dalam penguasaan kosa kata. Penguasaan pelajar terhadap kosa kata yang dipelajari menjadi kunci dan langkah pertama memahami bahasa tersebut serta menguasai tajuk pembelajaran dengan baik.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kuantitatif sebagai pendekatan utama untuk menerokai isu-isu melibatkan pembelajaran kosa kata Arab dan perkara berbangkit di sebalik dalam kalangan para pelajar. Data terkumpul dibincangkan secara deskriptif berpandukan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dan terkini. Data dalam kajian ini adalah hasil daripada soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Nurahimah dan Muhammad Nidzam (2016) dengan beberapa pengubahsuaian. Kemudian, kesahan terhadap soal selidik dibuat dengan bantuan pakar. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 5 iaitu 1 = sangat tidak setuju (STS), 2 = tidak setuju (TS), 3 = Neutral (N), 4 = setuju (S) dan 5 = sangat setuju(SS). Item dalam soal selidik mengandungi tiga (3) bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi

Bahagian B: Persepsi terhadap masalah pembelajaran kosa kata bahasa arab

Bahagian C: Strategi pembelajaran kosa kata yang digunakan oleh pelajar

Lokasi kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) iaitu di Akademi Pengajian Bahasa dan UiTM kampus Kedah. Pemilihan UiTM Kedah sebagai lokasi kajian kerana kod kursus bahasa Arab sentiasa ditawarkan kepada para pelajar pada setiap semester.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada 750 orang mahasiswa UiTM Kedah dari semua semester yang mengambil subjek bahasa Arab. Saiz sampel terdiri daripada 254 orang mahasiswa dari program ijazah sarjana muda yang mengambil kursus bahasa Arab dipilih secara rawak mudah. Saiz sampel ini ditentukan berdasarkan kepada penentuan saiz yang digariskan Krejcie & Morgan (1970).

Analisis Data

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah dan melibatkan responden dalam kalangan pelajar universiti tersebut sahaja. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*)

versi 28. Pengumpulan data dibincangkan secara deskriptif yang membabitkan peratusan, min dan kekerapan. Kaedah deskriptif ini bertujuan mendapatkan nilai yang tepat dan membantu memperhalusi isu kosa kata. Kesudahannya akan membuahkan solusi yang boleh dibina untuk mengatasi masalah tersebut. Dapatan yang telah diperoleh dihuraikan berpandukan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Nunnally dan Bernstein (1994).

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Source: Nunnally dan Bernstein (1994)

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian dibentangkan kepada jadual berikut mengikut kepada item soal selidik yang telah ditetapkan.

Demografi Responden

Jadual 2: Jantina

Jantina	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	52	20.5
Perempuan	202	79.5
Kemahiran ICT	Bilangan	Peratus (%)
Kurang Mahir	56	22.0
Mahir	188	74.0
Sangat Mahir	10	3.9
Jumlah	254	100

Merujuk kepada jadual di atas, responden terdiri daripada 202 perempuan (79.5 %) dan lelaki seramai 52 orang sahaja (20.5%). Kajian ini juga menemukan terdapat 188 responden (74.0 %) dari keseluruhan jumlah responden 254 mahir dalam kemahiran ICT, 56 responden (22.0%) kurang mahir dan hanya 10 responden (3.9) sangat mahir.

Persepsi Terhadap Masalah Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab

Jadual 3: Persepsi Pelajar

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min
1 Saya kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata	9 (3.5%)	48 (18.9%)	106 (41.7%)	81 (31.9%)	10 (3.9%)	3.13
2 Saya cuba meningkatkan tahap minat untuk menguasai kosa kata Arab dalam kursus ini	4 (1.6%)	4 (1.6%)	37 (14.6%)	150 (59.1%)	59 (23.2%)	4.00

3	Saya menghadapi masalah penguasaan makna perkataan Arab	11 (4.3%)	26 (10.2%)	87 (24.3%)	99 (39.0%)	31 (12.2%)	3.44
4	Saya menghadapi masalah dalam menyebut perkataan Arab	41 (16.1%)	78 (30.7%)	75 (29.5%)	52 (20.5%)	8 (3.1%)	2.63
5	Saya menghadapi masalah dalam menghafal perkataan Arab dalam kursus ini	22 (8.7%)	53 (20.9%)	104 (40.9%)	56 (22.0%)	19 (7.5%)	2.98

Merujuk kepada jadual 3, sebanyak lima respon yang diberikan oleh responden berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan. Pernyataan satu (1) menunjukkan skor min 3.13 bagi masalah kekurangan aktiviti pembelajaran kosa kata. Ini menggambarkan keperluan yang perlu ada pada pelajar secara khusus aktiviti yang melibatkan pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Aktiviti pembelajaran membantu pelajar-pelajar mengasah kosa kata yang dipelajari untuk lebih mudah dipraktikkan. Pernyataan dua (2) dengan skor min 4.00 dan ini memperlihatkan komitmen pelajar-pelajar yang optimum terhadap minat untuk menguasai kosa kata bahasa Arab dalam pembelajaran. Pernyataan tiga (3) mencatatkan skor min 3.44 terhadap masalah yang timbul dalam kalangan responden. Hakikatnya, isu yang berkaitan penguasaan makna kosa kata Arab ialah isu dominan yang sering berlegar dalam kalangan sesiapa sahaja ingin menguasai kosa kata. Permasalahan yang berbangkit ini sedikit sebanyak membuka mata dan mencelikkan minda pengkaji dan pelopor bahasa Arab untuk mencari inisiatif lain membantu penguasaan kosa kata Arab. Beralih kepada pernyataan empat (4), masalah sebutan perkataan Arab turut menjadi perhatian dalam kalangan responden dengan skor min 2.63. Sehubungan itu, isu seumpama ini boleh dianggap sebagai faktor-faktor mempengaruhi kemahiran kosa kata Arab yang perlu dititikberatkan kerana ia melibatkan kemahiran bertutur. Pernyataan lima (5) pula mencatatkan skor min 2.98 membabitkan isu menghafal kosa kata dalam kalangan responden. Masalah hafalan kosa kata Arab sememangnya memerlukan pendekatan sebagai pemudah cara membantu penghafalan pelajar-pelajar. Banyak pendekatan boleh diaplikasikan dalam pembelajaran kosa kata Arab antaranya pendekatan gamifikasi sebagaimana dinyatakan oleh Panmei dan Waluyo (2023). Penggunaan gamifikasi dalam pembelajaran kosa kata boleh meningkatkan autonomi pelajar dalam pembelajaran kosa kata. Penggunaan gamifikasi mampu menjadikan pembelajaran kosa kata lebih bersifat menarik dan interaktif.

Pernyataan Panmei dan Waluyo (2023) diperkukuhkan oleh Dagdeler (2023) dengan menyebut bahawa penggunaan teknologi mudah alih mampu meningkatkan pembelajaran kosa kata. Ini menunjukkan kepentingan teknologi mendukung pembelajaran kosa kata dan memperbaiki kemahiran komunikasi pelajar melalui penggunaan aplikasi mudah alih. Abu al-majd dan Belton (2024) juga turut membuat perbandingan dari aspek keberkesanan pembelajaran kosa kata yang dibantu oleh teknologi atau tanpa teknologi. Pembelajaran yang berasaskan teknologi sememangnya menunjukkan potensi besar namun, kaedah pembelajaran kosa kata yang tidak melibatkan penggunaan teknologi juga turut masih menghasilkan satu pembelajaran yang baik juga dalam beberapa keadaan. Ini menunjukkan bahawa pendekatan teknologi dan tanpa teknologi sesuai untuk digabungkan bagi mencapai hasil pembelajaran kosa kata yang optimum.

Sehubungan itu, kenyataan-kenyataan yang diutarakan tersebut menjelaskan bahawa teknologi seperti aplikasi mudah alih dan gamifikasi boleh memberi impak positif terhadap pembelajaran kosa kata. Teknologi maklumat membantu dalam pembelajaran bahasa dan pengajaran serta penyampaian ilmu dengan cara yang berkesan. Ini mengukuhkan lagi bahawa pembelajaran kosa kata menggunakan teknologi memberikan banyak ciri bermanfaat seperti interaksi sosial dan penglibatan interpersonal.

Jadual 4: Interpretasi Skor Min Persepsi Terhadap Masalah Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab

	Item	Min	Interpretasi
1	Saya kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata	3.13	Sederhana tinggi
2	Saya cuba meningkatkan tahap minat untuk menguasai kosa kata Arab dalam kursus ini	4.00	Sederhana tinggi
3	Saya menghadapi masalah penguasaan makna perkataan Arab	3.44	Sederhana tinggi
4	Saya menghadapi masalah dalam menyebut perkataan Arab	2.63	Sederhana rendah
5	Saya menghadapi masalah dalam menghafal perkataan Arab dalam kursus ini	2.98	Sederhana rendah

Dapatan interpretasi skor min yang tertera ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Arab menghadapi beberapa cabaran utama dalam pembelajaran kosa kata. Sungguhpun mereka mempunyai minat tinggi untuk menguasai bahasa tersebut, kekurangan aktiviti pembelajaran yang berkesan serta kesukaran dalam penguasaan makna dan sebutan perkataan boleh menjejaskan proses pembelajaran. Oleh yang demikian, ini memberikan satu gambaran terhadap persepsi pelajar berkaitan masalah pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Ia menjadi satu nilai tambah kepada kepentingan terhadap persediaan aktiviti pembelajaran yang lebih berfokus dan strategi yang berkesan untuk membantu pelajar.

Sebagaimana dinyatakan Nation (2001), aktiviti yang mengkhususkan kepada kosa kata adalah penting untuk meningkatkan penguasaan bahasa kedua. Perkara ini selaras dengan hasil dapatan iaitu kekurangan aktiviti pembelajaran yang khusus boleh menjejaskan pembelajaran kosa kata pelajar. Begitu juga kenyataan Sathikulameen (2024) ada menyebutkan bahawa ada banyak aktiviti yang boleh dijana untuk membantu mengasah penguasaan kosa kata Arab antaranya melalui kemahiran mendengar. Kemahiran mendengar penting dalam pembelajaran bahasa terutamanya dalam era kemajuan teknologi masa kini. Penekanan diberikan kepada penggunaan alat teknologi moden seperti telefon pintar, komputer riba, tablet dan peranti elektronik lain untuk meningkatkan pembelajaran. Penggunaan media dan teknologi dilihat sebagai instrumen yang berpotensi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

Strategi Pembelajaran Kosa Kata Yang Digunakan Oleh Pelajar

Jadual 5: Strategi Pembelajaran Pelajar

	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju	Min
1	Saya tidak mempunyai strategi tertentu untuk menguasai kosa kata Arab	10 (3.9%)	67 (26.4%)	83 (32.7%)	80 (31.5%)	14 (5.5%)	3.08
2	Saya membaca kosa kata Arab yang dipelajari secara berulang-ulang	2 (0.8%)	16 (6.3%)	68 (26.8%)	127 (50.0%)	41 (16.1%)	3.74
3	Saya menghafal kosa kata Arab yang dipelajari dalam kursus ini	2 (0.8%)	10 (3.9%)	76 (29.9%)	137 (53.9%)	29 (11.4%)	3.71
4	Pensyarah kelas membimbing saya menggunakan strategi tertentu untuk menguasai kosa kata Arab dalam kursus ini	3 (1.2%)	4 (1.6%)	48 (18.9%)	138 (54.3%)	61 (24.0%)	3.98
5	Saya memerlukan strategi baru untuk menguasai kosa kata Arab	2 (0.8%)	10 (3.9%)	70 (27.6%)	134 (52.8%)	38 (15.0%)	3.77

Berdasarkan jadual 5, dapat dilihat beberapa pendekatan atau strategi yang dipraktikkan oleh responden dalam pembelajaran. Pernyataan satu (1) menunjukkan kelemahan responden yang tidak mempunyai strategi atau pendekatan khusus dalam penguasaan kosa kata Arab dengan skor min 3.08. Pernyataan dua (2) merekodkan min sebanyak 3.74 yang memperihalkan strategi responden menguasai kosa kata Arab melalui pendekatan membaca secara berulang-ulang. Ini merupakan salah satu strategi yang amat sesuai dipraktikkan dan boleh dipelbagaikan melalui variasi platform dan pendekatan. Pernyataan tiga (3) pula dengan skor min 3.71 menggambarkan pendekatan utama yang digunakan oleh responden ialah menghafal kosa kata Arab yang telah dipelajari. Pernyataan empat (4) dengan min 3.98 mencatatkan nilai skor tertinggi terhadap strategi yang diamalkan oleh responden iaitu bimbingan pensyarah. Justeru, pembelajaran kosa kata menjadi lebih efektif dengan bimbingan pensyarah sebagai pakar rujuk pelajar-pelajar untuk menguasai kosa kata berbekalkan strategi-strategi tertentu. Seterusnya, pernyataan lima (5) agak berkait rapat dengan pernyataan empat (4) dengan min 3.77 lantas menjadi pencetus idea terhadap strategi baru untuk menguasai kosa kata Arab yang boleh diimplementasikan dengan medium teknologi pada masa kini.

Jadual 6: Interpretasi Skor Min Strategi Pembelajaran Kosa Kata Yang Digunakan Oleh Pelajar

	Item	Min	Interpretasi
1	Saya tidak mempunyai strategi tertentu untuk menguasai kosa kata Arab	3.08	Sederhana tinggi
2	Saya membaca kosa kata Arab yang dipelajari secara berulang-ulang	3.74	Sederhana tinggi
3	Saya menghafal kosa kata Arab yang dipelajari dalam kursus ini	3.71	Sederhana tinggi
4	Pensyarah kelas membimbing saya menggunakan strategi tertentu untuk menguasai kosa kata Arab dalam kursus ini	3.98	Sederhana tinggi
5	Saya memerlukan strategi baru untuk menguasai kosa kata Arab	3.77	Sederhana tinggi

Melihat kepada jadual 6, pelajar-pelajar mempunyai tahap kesedaran sederhana tinggi terhadap kekurangan dari aspek strategi khusus dalam penguasaan kosa kata Arab. Sungguhpun mereka sedar akan kepentingan strategi, mereka masih memerlukan panduan atau kaedah yang lebih terarah. Jaili et.al (2023), Aluwi dan Abdul Ghani (2023) menjelaskan bahawa penguasaan kosa kata arab boleh dilaksanakan melalui berbagai-bagai strategi yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran atau pembelajaran. Antaranya ialah kaedah latih tubi, soal jawab, dialog dan cerita yang berkisarkan kehidupan harian. Strategi yang efektif dalam pengajaran kosa kata membantu pelajar menguasai bahasa dengan baik, meningkatkan kemahiran berbahasa dan membantu mereka dalam memahami serta menggunakan kosa kata dengan tepat dalam konteks yang betul.

Amalan membaca kosa kata secara berulang-ulang dikira sebagai strategi yang membantu mengukuhkan ingatan dan pemahaman terhadap kosa kata yang baru dipelajari. Dalam masa yang sama. Kaedah hafalan adalah antara strategi yang kerap digunakan oleh pelajar. Ia satu pendekatan tradisional yang masih dianggap berkesan oleh ramai pelajar dalam menguasai kosa kata. Hal ini sebagaimana diutarakan oleh Ahmad Sabri et.al (2023) iaitu kaedah hafalan yang betul penting untuk mengembangkan kosa kata bahasa Arab secara berimpak. Pelajar boleh mendapat manfaat daripada pembelajaran yang membantu mereka mengingat perkataan baharu melalui perkaitan dengan konsep atau imej.

Tambahan lagi, bimbingan pensyarah dalam penggunaan strategi tertentu untuk pembelajaran kosa kata penting dalam memandu pelajar menggunakan teknik pembelajaran yang berkesan. Terdapat keperluan strategi baru dalam pembelajaran kosa kata yang menunjukkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan inovasi dalam pembelajaran untuk meningkatkan penguasaan kosa kata.

Kesimpulan dari hasil dapatan tersebut ialah strategi atau teknik pembelajaran kosa kata Arab ialah satu keperluan yang perlu ditekankan dalam setiap aktiviti pembelajaran yang pelbagai. Ia seharusnya selari dengan aktiviti yang diketengahkan dalam pembelajaran kosa kata dan ia boleh dilaksanakan secara tradisional atau berbentuk teknologi yang lebih mendapat perhatian pada masa kini. Kedua-dua pendekatan tersebut amat sesuai digabungkan sebagai strategi baru dalam pembelajaran kosa kata Arab. Penggunaan teknologi dalam pembelajaran kosa kata

sebagai strategi baru. Indrasari et.al (2024) dalam kenyataannya menyebut bahawa penggunaan teknologi seperti aplikasi mudah alih dan perisian pembelajaran menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam pembelajaran kosa kata. Kajian terkini menekankan bahawa teknologi menawarkan pendekatan yang lebih interaktif dan menarik. Aplikasi seperti *Duolingo* dan *Memrise* yang menggunakan gamifikasi terbukti membantu meningkatkan penguasaan kosa kata melalui pengulangan dan pembelajaran kontekstual.

Kesimpulan

Pembelajaran kosa kata Arab ialah satu bentuk pembelajaran yang boleh diimplementasikan dengan aneka pelbagai teknik dan pendekatan yang interaktif. Aspek kosa kata sememangnya tidak lari dari permasalahan yang akan dihadapi oleh pelajar-pelajar secara khususnya sebagai pemain utama dalam menguasai kosa kata. Persepsi yang diuraikan dalam perbincangan ini menggambarkan kesedaran yang tinggi dalam diri pelajar-pelajar dalam usaha menangani masalah dalam pembelajaran kosa kata. Strategi pembelajaran yang dipamerkan oleh pelajar memperlihatkan pendekatan dan idea yang digunakan oleh mereka dalam usaha menguasai kosa kata yang dipelajari.

Tuntasnya, aktiviti pembelajaran kosa kata Arab memerlukan faktor-faktor sekeliling yang perlu diberi penekanan sebagai pendokong kepada kejayaan pelajar-pelajar menguasai kosa kata. Teknik dan pendekatan kosa kata perlu disesuaikan dengan kondisi atau masalah yang dihadapi oleh setiap pelajar yang berbeza latar belakang. Bimbingan guru atau pensyarah juga berperanan sebagai pemain utama dalam mengendalikan pelajar-pelajar yang memerlukan tunjuk ajar dan panduan. Pendekatan teknologi masa kini juga tidak ketinggalan dijadikan satu elemen dalam membangunkan strategi atau pendekatan lebih berimpak kepada pembelajaran kosa kata Arab dalam kalangan para pelajar.

Penghargaan

Penghargaan artikel ini adalah hasil daripada penyelidikan Geran Dana Dalaman Negeri (DDN) Padanan Bersama 2023 bertajuk Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Komunikasi Pelajar UiTM Berasaskan Aplikasi Canva (100-UiTMKDH (PJI.5/4/1). Penulis mengucapkan terima kasih kepada UiTM atas pembiayaan penyelidikan ini dan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Ahmad Sabri, A. S., Suhaimi, M. F., & Wan Ahmed, W. A. (2023). Strategy To Increase Arabic Vocabulary Size Among Secondary School Students in Setiu District, Terengganu. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 58-65.
- Aluwi, A. M., & Abdul Ghani, M. T. (2023). Penguasaan Kosa Kata Terhadap Penulisan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian Daripada Perspektif Guru: Vocabulary Mastery of Arabic Language Writing Among Khairiah Religion Secondary School Students: A Study from The Teacher's Perspective. *Sains Insani*, 8(2), 294-303.
<https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol8no2.573>
- Abu al-majd, O., Belton, B. (2024). Which One? Technology or Non-Technology-Assisted Vocabulary Learning: A Probe into The State of Academic Buoyancy, Creativity, And Academic Achievement. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 9(41), 1-24. <https://doi.org/10.1186/s40862-024-00262-4>
- Caratozzolo, P., Hernández, M. J., Zavala, G. (2023). Education And Society: New Approaches for New Challenges. *Front. Educ*, 1-3, doi: 10.3389/educ.2023.1290101

- Dagdeler, O. (2023). A systematic review of Mobile-Assisted Vocabulary Learning research. *Smart Learn. Environ.* 10, 1-17. <https://doi.org/10.1186/s40561-023-00235-z>
- Indrasari, H. A., Prasetyo, Y., Putranto, H. R. (2024). The Unlocking Language Proficiency: Exploring Duolingo's Impact on Vocabulary Learning. *Journal of English Teaching, Literature, and Applied Linguistics*, 8(1), 75-82.
- Jaili, H., & Hamdan, N. M. (2023). Strategi Pengajaran Mufradat (Kosa Kata) Bahasa Arab Di Sekolah-Sekolah Uagama Negara Brunei Darussalam. *E-Jurnal Bahasa Dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 84-101.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge University Press.
- Norillah Abdullah Hasim, Amiruldin Ishak, Fahmi Zaidi Abdul Razak. (2023). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Kosa Kata Pelajar: Satu Sorotan Literatur Sistematis. *Jurnal al-Sirat*, 23(2), 9-16.
- Nurahimah, M. Y. & Muhammad Nidzam, Y. (2016). Analisis Fuzzy Delphi Terhadap Peluang Pelaksanaan M-Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Di institut Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 11, 32-50.
- Nunnally. J.C. & Bernstein. I.H. (1994). *Psychometric Theory (3rd ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Panmei, B., Waluyo, B. (2023). The Pedagogical Use of Gamification in English Vocabulary Training and Learning in Higher Education. *Educ. Sci.*, 13(1), 1-22. <https://doi.org/10.3390/educsci13010024>
- Rifai, A. B. (2021). Analisis Kesalahan Berbahasa Arab (Studi Kasus Skripsi Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab Universitas Muhammadiyah Yogyakarta). Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Samah, R., Isahak, A., Mohd Nathir, K. A., Abdul Majid, M. Y., Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Ahmad, H. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Bidang Sastera Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 64-77.
- Saputra, D., Fidri, M., Fatoni, Nurhayati. (2022). Penggunaan Media Flashcard Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Penguasaan Kosa Kata. *Jurnal As-Said*, 2(1), 127-137.
- Sathikulameen, A., Ahamedullah, M., Ali Ibrahim, A.M., Thameem Ansari, M.R., & Vijayakumar, S. (2024). A Qualitative Exploration of The Impact of Fostering AFL Learners' Vocabulary Skills Using BBC Arabic Live News. *IJAZ ARABI: Journal of Arabic Learning*, 7(2), 424-437.
- Srivani, V., Hariharasudan, A, Nawaz, N., Ratajczak, S. (2022). Impact of Education 4.0 Among Engineering Students for Learning English Language. *PLOS ONE* 17(2). e0261717. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0261717>
- Supriadi, S., Haslinda, H. (2022). Pengembangan Media Pembelajaran Mufradat Bahasa Arab Berbasis Adobe Flash Pro Cs6 Bagi Siswa Smp. *Jurnal Literasi Digital*, 2(1), 46-56.
- Zulkepli, M. K. A., Abd Hamid, M. Z., Wahab, B., Yahaya, A. F., & Mohamad, N. (2023). Isu Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar UiTM Dan Aplikasi Mufradati. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8(52), 350-362.